



# UPNM

National Defence University of Malaysia  
Kewajipan • Maruah • Integriti

## IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia ingin mempelawa calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

### MAKLUMAT JAWATAN:

JAWATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED JAWATAN	JUMLAH GAJI
<b>Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)</b>	Pengurusan Tertinggi	Gred Utama B (VU6)	Minimum RM8,315.00  hingga  Maksimum RM22,445.00

### 1. TARAF PELANTIKAN

Pertukaran Sementara / Pinjaman / Kontrak

### 2. TEMPOH LANTIKAN

Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi

### 3. KELAYAKAN

Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) atau setaraf serta berkebolehan memimpin dan mengurus Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Pemohon hendaklah memenuhi dua (2) kriteria utama iaitu Kriteria Umum dan Kriteria Khusus.

#### **4. KRITERIA UMUM**

Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam (UA) secara umumnya mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

##### **i. Kecemerlangan Akademik**

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

##### **ii. Pengiktirafan Antarabangsa**

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

##### **iii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

##### **iv. Reputasi**

Menjadi “*role model*” kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

##### **v. Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

##### **vi. Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* Universiti.**

## **5. KRITERIA KHUSUS**

Pertimbangan calon-calon Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) mestalah berasaskan kriteria-kriteria khusus yang ditetapkan seperti berikut:

- i. **Berkemampuan Menguruskan Urusan berkaitan Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar:**

Penyandang perlu mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini adalah kerana penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pelajar, terutama Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan matlamat penubuhan universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.
- ii. **Aktif dalam Ko-kurikulum dan Berpengetahuan dalam Merekabentuk dan Melaksanakan ko-kurikulum Berkredit serta Program Pembangunan Pelajar secara Holistik:**

Penyandang mestalah mahir dalam merekabentuk ko-kurikulum berkredit berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut afektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Calon perlu berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.
- iii. **Penglibatan dalam Jawatankuasa yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar:**

Penyandang jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, penyandang mestalah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebijakan mereka tidak kira siang ataupun malam. Penyandang juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.
- iv. **Berpengalaman dalam Menguruskan Kolej-kolej Kediaman:**

Penyandang mestalah mempunyai asas dalam pengurusan. Ini adalah kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah kuasa TNC (HEPA). Penyandang mestalah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.
- v. **Mempunyai Jaringan Hubungan yang Luas Serta dihormati di Kalangan Alumni:**

Penyandang mestalah mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan universiti.

## **6. CARA MEMOHON**

Sila kemukakan permohonan bersama-sama dokumen yang berikut:

- i. Surat permohonan rasmi.
- ii. *Curriculum Vitae (CV)* terkini yang mengandungi maklumat-maklumat berikut berserta gambar berukuran pasport:
  - a. Latar belakang peribadi, keluarga, alamat surat-menyerat dan nombor telefon untuk dihubungi;
  - b. Latar belakang kelayakan akademik / pendidikan dan kerjaya;
  - c. Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa;
  - d. Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Universiti / Pendidikan Tinggi;
  - e. Dua (2) nama penyokong sebagai Pakar Rujuk (*Referee*).
- iii. *Leadership Curriculum Vitae (CV)* seperti di **Lampiran A**
- iv. Borang Kriteria TNC seperti di **Lampiran B**
- v. *Key Performance Indicator (KPI)* dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- vi. Dokumen-dokumen sokongan (jika berkaitan)
- vii. Permohonan hendaklah dihantar kepada:

Dokumen Fizikal	Dokumen Digital
<b>Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Pendaftar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur (u.p.: Pendaftar)</b>	<a href="mailto:rafizul@upnm.edu.my">rafizul@upnm.edu.my</a>

**7. Tarikh tutup permohonan adalah pada **1 DISEMBER 2023 (JUMAAT)**.**

## **8. PERTANYAAAN:**

Sebarang pertanyaan berhubung permohonan bolehlah dikemukakan kepada:

- 1) Encik Rafizul bin Rozlee / Encik Sazali bin Salim / Puan Normah binti Musa  
No Tel : 03-90513423 / 3593 / 4584  
Emel : [rafizul@upnm.edu.my](mailto:rafizul@upnm.edu.my) / [sazali@upnm.edu.my](mailto:sazali@upnm.edu.my) / [normah@upnm.edu.my](mailto:normah@upnm.edu.my)
9. Calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek ke peringkat temuduga.